

Program Baucar Perlindungan Tenang (PTV)

1. Bilakah BSN Takaful Sakinah Plus akan mula ditawarkan di bawah Program Baucar Perlindungan Tenang (PTV)?

Program PTV merupakan inisiatif oleh Kerajaan Malaysia untuk memperluas perlindungan social kepada golongan berpendapatan rendah. Bermula pada 22 September 2025 hingga 31 Disember 2025, penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) yang layak boleh menebus baucar RM30 untuk menyertai BSN Takaful Sakinah Plus.

2. Siapakah yang layak menyertai BSN Takaful Sakinah Plus melalui Program PTV?

Penerima baucar yang layak boleh menyertai BSN Takaful Sakinah Plus – Pelan 1 atau Pelan 2. Selepas penebusan baucar RM30, baki sumbangan akan dibayar oleh Ahli yang Dilindungi melalui potongan daripada Akaun Simpanan Ahli yang Dilindungi di BSN Simpanan Nasional (BSN).

Pilihan Pelan	Pelan 1	Pelan 2
Sumbangan Tahunan Asal	RM 65	RM 95
Kaedah Pembayaran	Baucar RM30 + Potongan RM35 daripada Akaun Simpanan BSN	Baucar RM30 + Potongan RM65 daripada Akaun Simpanan BSN

3. Bagaimanakah cara untuk saya menyertai BSN Takaful Sakinah Plus melalui Program PTV?
Anda boleh mendaftar di mana-mana Cawangan BSN berdekatan. Anda hanya perlu mempunyai akaun simpanan dengan BSN.
4. Saya mempunyai sijil BSN Takaful Sakinah dan/atau BSN Takaful Sakinah Plus, bolehkah saya menyertai BSN Takaful Sakinah Plus melalui Program PTV?
Ya. Anda masih boleh menyertai BSN Takaful Sakinah Plus melalui penebusan baucar semasa mempunyai sijil BSN Takaful Sakinah/BSN Takaful Sakinah Plus.
5. Saya telah menyertai sijil BSN Takaful Sakinah Plus melalui Program PTV, tetapi sijil tersebut tidak lagi bersesuaian dengan keperluan saya. Bolehkah saya membatalkan sijil tersebut dan mengguna semula baucar saya?

Serahan dalam tempoh rujukan percuma 15 hari:

Sekiranya anda membatalkan sijil anda dalam tempoh 15 hari setelah sijil anda berkuatkuasa, PruBSN akan membatalkan penggunaan baucar tersebut dan memulangkan sumbangan yang telah dibayar ke dalam Akaun Simpanan BSN anda.

Serahan selepas tempoh rujukan percuma 15 hari:

BSN Takaful Sakinah Plus – Soalan-soalan Lazim

Sekiranya anda membatalkan sijil anda pada bila-bila masa selepas tempoh rujukan percuma 15 hari, PruBSN tidak akan membatalkan penggunaan baucar dan sumbangan yang dibayar tidak akan dipulangkan semula. Sebaliknya, PruBSN akan terus memberi perlindungan kepada anda sehingga ulang tahun sijil setelah anda membuat pemberitahuan untuk pembatalan.

6. Apa yang akan berlaku kepada pembaharuan sijil bagi Pelan 1 dan Pelan 2 sekiranya menyertai melalui Program PTV?

Sijil BSN Takaful Sakinah Plus bagi Pelan 1 dan Pelan 2 yang ditebus menggunakan baucar akan diperbaharui secara automatic mulai tahun sijil kedua dan seterusnya. Jumlah penuh sumbangan tahunan akan ditolak melalui potongan daripada Akaun Simpanan BSN anda bagi tujuan pembaharuan sijil pada tahun-tahun berikutnya.

7. Adakah saya layak menerima lebihan jika saya menyertai BSN Takaful Sakinah Plus melalui Program PTV?

Ya, anda layak untuk menerima sebarang lebihan yang boleh diagihkan (jika ada) daripada Dana *Tabarru'*, termasuk keuntungan pelaburan (jika ada), selepas akhir tahun kewangan. Bersama-sama dengan Ahli yang Dilindungi yang lain, anda layak menerima 50% daripada lebihan yang boleh diagihkan dan PruBSN akan menerima baki 50%* sebagai yuran prestasi untuk menguruskan Dana *Tabarru'*. Bahagian anda untuk lebihan yang boleh diagihkan akan dikreditkan terus ke dalam Akaun Simpanan BSN anda melalui e-kredit. Amaun sebenar lebihan yang boleh diagihkan akan ditentukan setiap tahun dan tertakluk kepada kelulusan daripada Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.

Walau bagaimanapun, anda mungkin tidak akan menerima lebihan yang boleh diagihkan atas beberapa sebab termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (a) Sijil anda telah dibatalkan atau ditamatkan; atau
- (b) Anda telah membuat tuntutan dan ia telah diproses/ dibayar kepada anda; atau
- (c) Tiada lebihan yang boleh diagihkan diisytiharkan bagi tahun kewangan berkenaan (contohnya, jika berlaku defisit).

**NOTA: Sekiranya tuntutan sebenar adalah lebih rendah daripada yang dijangkakan, sebahagian daripada lebihan yang boleh diagihkan mengikut kadar subsidi Kerajaan akan dipulangkan semula kepada Kerajaan. Amaun ini akan ditolak daripada 50% bahagian lebihan yang boleh diagihkan milik PruBSN (jika ada).*

8. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai Program PTV?

BSN Takaful Sakinah Plus – Soalan-soalan Lazim

Anda boleh layari www.mycoverage.my untuk maklumat lanjut mengenai Program PTV dan untuk mengetahui lebih lanjut tentang produk-produk Perlindungan Tenang. Untuk menyemak kelayakan anda dalam Program PTV, sila layari www.myptv.my.

Nota: FAQ ini hanya meliputi terma dan syarat Program PTV sahaja. Sila rujuk kepada Ringkasan Sijil Induk dan Lampiran Keterangan Produk bagi BSN Takaful Sakinah Plus untuk terma dan syarat penuh produk ini.